

## PERBANDINGAN PENERAPAN KARAKTER BANGSA ANTARA GURU SENIOR DAN JUNIOR DALAM PENGAJARAN KOMSAS BAHASA INDONESIA

(*Application Comparison Between National Character Senior and Junior Master in Teaching Komsas Indonesian Language*)

**ELMUSTIAN**  
Universitas Riau, Riau  
Indonesia  
[elmustian@yahoo.com](mailto:elmustian@yahoo.com)

**Dihantar pada:**  
20 Januari 2016

**Diterima pada:**  
25 April 2016

**Koresponden:**  
[elmustian@yahoo.com](mailto:elmustian@yahoo.com)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan membuat perbandingan penerapan karakter bangsa dalam pengajaran guru ketika mengajar komponen sastra dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia. Seramai empat guru Bahasa Indonesia, iaitu dua guru senior dan dua guru junior yang mewakili dijadikan peserta kajian. semua peserta kajian ditandakan dengan PK111 (senior lelaki), PK212 (junior lelaki), PK312 (senior perempuan) dan PK412 (junior perempuan). Reka bentuk kajian ialah kajian kes. Kajian dilakukan di empat buah sekolah menengah agama negeri di Pekanbaru, Riau Indonesia. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis secara triangulasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru junior lebih banyak terapkan elemen karakter bangsa berbanding guru senior dari aspek nilai positif ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia. Guru junior juga didapati lebih banyak menerapkan elemen karakter nilai negatif berbanding guru senior. Daripada dapatan ini ialah faktor pengalaman mengajar bukan faktor mempengaruhi penerapan elemen karakter bangsa dalam pengajaran Komsas Bahasa Indonesia. Faktor peribadi guru, pendidikan guru, bahan dan sosiobudaya pelajar banyak mempengaruhi pengajaran guru Bahasa Indonesia.

**Kata kunci:** Karakter bangsa, guru senior dan junior, nilai positif dan negatif, komponen sastra, Bahasa Indonesia

**Abstract:** This study aims to compare the character of the nation in teaching when teach literature in Indonesian Language. A total of four Indonesian teachers, senior teachers, two teachers and two junior representative made the study participants. all study participants marked with PK111 (senior men), PK212 (junior male), PK312 (senior women) and PK412 (junior women). The study design is a case study. The study was conducted in four secondary schools in the state religion in Pekanbaru, Riau, Indonesia. Data collected through observation, interviews and document analysis. Data were analyzed by triangulation. The findings showed that the more junior teachers apply elements of national character than the senior teacher of the positive aspects while teaching component literature Indonesian Language. Junior teachers are also available to implement the elements of character more negative than the senior teacher. This is the finding of the teaching experience is not a factor affecting the implementation of elements of national character in the teaching of Indonesian component literature. Personal factors teacher, teacher education, material and socio-cultural influences teaching students many Indonesian.

**Keywords:** Character race, senior and junior teachers, positive and negative values, component literature, Indonesian Language

## PENGENALAN

Sejajar dengan matlamat negara untuk meningkatkan kualiti bangsa, peningkatan karakter adalah suatu matlamat yang menjadi arus utama bagi pembangunan manusia seutuhnya. Karakter sesuatu bangsa ditentukan oleh karakter individu yang berhimpun dalam suatu komuniti. Zubaedi (2011) menyatakan bahawa karakter individu ditentukan oleh tindakan berdasarkan nilai yang diamalkan dan sekali gus menjadi panduan dalam hidupnya. Nilai ialah harga, makna, isi, dan pesan, semangat, atau jiwa yang tersurat dan tersirat dalam fakta, konsep, dan teori sehingga bermakna secara fungsional. Batasan ini menunjukkan bahawa nilai bersifat fungsional yang ada di luar diri individu. Nilai menjadi pengarah, pengendali, dan penentu perilaku seseorang. Nilai menjadi indikator atau unsur dalam berperilaku. Maka, perilaku seseorang dapat mencerminkan nilai hidup yang dimilikinya.

Pendidikan karakter bangsa menjadi isu utama oleh pemerintah di seluruh dunia. Sewajarnya perkara ini diterima baik dan dirumuskan langkah-langkah sistematis dan komprehensif untuk pelaksanaannya dalam proses pendidikan (Lickona 2013). Pembinaan bangsa yang berkarakter itu memerlukan pendidikan dan mesti dengan komitmen yang kuat dan program yang berterusan. Oleh itu, untuk merealisasikannya diperlukan pendidikan yang bertapak karakter dengan menerapkan nilai-nilai kehidupan (Yusny Saby 2010; Ngainun Naim 2012). Mengikut Ngainun Naim (2012), pendidikan yang berlandaskan karakter yang baik akan membawa implikasi kepada kemantapan sosial yang baik dan karakter inilah yang seharusnya mendapat perhatian oleh negara.

Pendidikan karakter menjadi bahagian terkukuh daripada pendidikan walaupun telah beralih generasi. Pendidikan karakter ibarat mengukir dan memberikan sentuhan agar objek yang diukir memiliki nilai yang lebih (Lickona 2013). Di dalam alam Melayu, pendidikan karakter generasi demi generasi ibarat perumpamaan: masa kecil terkinjal-kinjal, apabila sudah dewasa/besar terbawa-bawa. Oleh demikian, proses pendidikan sangat penting dalam pemupukan karakter bangsa. Di Indonesia, dalam Undang-Undang Republik Indonesia No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional, Bab I, Fasal 1, ayat 4, ada

dinyatakan bahawa anak didik ialah anggota masyarakat yang berusaha mengembangkan potensi diri melalui proses pembelajaran yang tersedia pada garis peringkat, dan jenis pendidikan tertentu. Lebih lanjut, Bab IV, Bahagian Satu, Fasal 5 Khas Ayat (1) Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2003 menyebutkan bahawa setiap warganegara mempunyai hak yang sama untuk memperoleh pendidikan yang bermutu. Berkenaan dengan pendidikan yang bermutu ini, hampir semua bangsa di dunia ini sedang dalam proses untuk meningkatkan mutu pendidikan di negara masing-masing. Hal demikian adalah kerana mereka meyakini bahawa kunci kepada masa depan sesuatu bangsa ditentukan oleh sistem pendidikan yang bermutu dan berkualiti.

Pendidikan karakter adalah sebuah proses yang berlanjutan, iaitu selama mana sesebuah bangsa berlangsung dan ingin wujud, pendidikan karakter menjadi suatu kemestian untuk dianggap bangsa yang mempunyai martabat yang tinggi. Pendidikan karakter mesti menjadi bahagian terkukuh daripada pendidikan walaupun beralih generasi (Kartadinata dalam Lickona 2013). Proses pendidikan karakter akan melibatkan ragam aspek perkembangan anak didik, seperti kognitif, afektif, serta perkembangan psikomotor sebagai suatu keutuhan (holistik) dalam konteks kehidupan bermasyarakat. Karakter tidak dapat dibentuk dalam perilaku yang segera seperti yang dicanangkan oleh pemerintah Indonesia sebagai revolusi mental ketika Jokowi berkuasa pada tahun 2014. Dalam kaitan itu, pembinaan karakter tidak dapat ditunjukkan. Pengembangan karakter harus digabung jalin dalam proses pembelajaran yang mendidik, disedari oleh guru sebagai tujuan pendidikan, dikembangkan dalam suasana pembelajaran yang transaksional dan bukan instruksional, dan dilandasi pemahaman serta penghayatan secara mendalam terhadap perkembangan pelajar (Lickona 2013).

Pendidikan karakter ialah pendidikan sepanjang hayat, iaitu sebagai proses pengembangan ke arah manusia yang holistik. Pendidikan karakter dalam kaitan ini memerlukan guru yang berkarakter sebagai pola ideal. Menurut Sunaryo Kartadinata dalam pengantar terjemahan bahasa Indonesia buku Lickona (2013), pendidikan karakter mesti bersifat *multilevel* dan *multichannel* kerana tidak mungkin hanya dilakukan oleh institusi

sekolah sahaja. Pembentukan karakter perlu mempunyai teladan, perilaku nyata dalam latar kehidupan yang tulen atau nyata. Oleh itu, pembinaan karakter mesti menjadi sebuah gerakan yang bersifat holistik, melibatkan pelbagai pihak dan peringkat serta berlangsung dalam penetapan kehidupan semula jadi. Namun, perkara yang harus dihindari adalah jangan sampai tersesat menjadi gerakan dan tunjang politik yang pada akhirnya hanya membentuk pelbagai perilaku formalistik-pragmatik yang berorientasi kepada asas manfaat yang seterusnya akan merosak karakter dan martabat bangsa.

Dalam konteks pendidikan Sastera, walaupun kandungan Komsas tidak diragukan lagi menjadi pembina karakter pelajar yang baik, namun tidak diiringi oleh pemahaman pelajar yang memadai dan kecekapan guru yang baik, maka akan sia-sia harapan terbinanya karakter yang diharapkan. Pelajar perlu digerakkan untuk berfikir secara kreatif dan kritikal. Malahan pelajar dijangka dapat menyoal guru serta membantu guru membuka luas pintu pembelajarannya. Dahulu, punca pengetahuan adalah dalam bentuk bertulis atau literasi (Azman 2010, Umi Nadiha 2010). Kehadiran guru penting untuk membimbing pelajar membuat pilihan ilmu dan maklumat yang betul (Zamri 2012). Sebagai guru yang profesional, guru perlu melaksanakan kerjayanya dengan sepenuh hati, bersedia menanggung semua kebarangkalian yang sesuai dengan nilai profesion ini (Ragbir Kaur 2007; Umi Nadiha 2010; Zamri 2012; Zamri et al. 2007).

### PERNYATAAN MASALAH

Dalam sastera, terdapat nilai-nilai pendidikan moral yang berguna dalam usaha memupuk pendidikan karakter. Pembelajaran sastera bertujuan untuk menumbuhkan sikap apresiasi terhadap karya sastera, iaitu sikap untuk menghargai karya-karya sastera. Dalam pembelajaran sastera mengandungi hal-hal pokok tentang pengetahuan karya sastera (kognitif), menumbuhkan sikap kecintaan terhadap karya sastera (afektif), dan melatih kemahiran menghasilkan karya sastera (psikomotor). Kegiatan apresiasi sastera melakukan kegiatan hal-hal yang berhubungan dengan: (i) kegiatan terbuka yakni aktiviti membaca dan mendengar karya sastera serta menonton pementasan karya sastera,

(ii) kegiatan produktif yakni kegiatan mengarang, bercerita, dan mementaskan karya sastera dan (iii) kegiatan dokumentari yakni kegiatan mengumpul puisi, cerita pendek, serta mengumpul keratan akbar tentang informasi kegiatan sastera.

Selain itu, persoalan lain yakni sistem pembelajaran sastera semasa ini tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati citra budaya bangsa dan cita rasa mengikut acuan masyarakat tempatan dan lebih berfokus kepada peperiksaan (Mohd. Azman 2003; Zamri 2012, Zamri et al. 2007, 2015) tidak kira di Malaysia mahupun Indonesia. Peperiksaan nasional atau ujian nasional menjadi penilaian utama kepada guru dan pelajar. Hal ini demikian kerana penilaian-penilaian tersebut yang menentukan keberhasilan masa hadapan pelajar. Pembinaan karakter bangsa menjadi sesuatu yang dikesampingkan dalam pendidikan formal. Hal ini sering diketepikan berbanding keinginan untuk berjaya dalam peperiksaan. Mengikut Jeniri (2007) dan Zamri (2012), corak pembelajaran sastera yang berasaskan peperiksaan tidak mampu menghasilkan pelajar yang berkeperibadian dan mempunyai kebolehan berfikir secara kreatif. Kesannya, pelajar tidak berpotensi untuk melahirkan perasaan dan pemikiran mereka melalui ciptaan karya sastera. Hal ini menyebabkan pelajar belajar berpandukan format peperiksaan tanpa meneroka ilmu pembelajaran dengan lebih mendalam.

Dalam pembentukan karakter pelajar melalui perspektif bahasa, peranan bahasa asing memberi pengaruh budaya terhadap karakter bangsa yang inovatif. Hal ini bukan hanya di dalam unsur budaya yang nyata mahupun abstrak, tetapi juga kepada cara seseorang itu memandang sesuatu juga dapat mempengaruhi karakter. Bidang bahasa berpusat pada tiga dimensi yang mencakupi dalam pertanyaan: (i) Apakah lingkungan persekitaran yang perlu dikuasai dalam pengetahuan bahasa? (ii) Bagaimana bahasa diperoleh? (iii) Bagaimana kita menggunakan bahasa dan bagaimana pula bahasa itu digunakan? Ketiga-tiga pertanyaan ini berhubungan rapat dengan perkembangan ilmu bahasa (linguistik) dan ilmu makna (semantik) melalui penggunaannya secara pragmatik (melibatkan penutur dan pendengar) atau apa yang disebut masyarakat bahasa sebagai penutur asli suatu bahasa dan pemilik suatu budaya termasuk karakternya, dan terutama kemunculan identiti

sesebuah bangsa itu.

Selain itu, hubungan pendidikan karakter (Lickona 2013a, 2013b; Zubaedi 2011) dengan sistem sastra (A Teeuw 1984; Wellek & Warren 2014) perlu mendapat perhatian kerana sejauh mana karakter pelajar dapat dibentuk dengan kaedah-kaedah sastra yang rumit dan sukar difahami oleh kebanyakan pelajar. Oleh itu, apa pula relevan antara pendidikan karakter dengan sistem sastra? Jika diteroka lebih terperinci lagi, maka dapat dibincangkan bagaimana perkara-perkara pembinaan karakter bila dikaitkan dengan pembelajaran Komsas. Bagaimanakah penerapan karakter pada pelajar dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia? Bagaimana pula kaedah mengaplikasikan elemen Komsas dalam pembinaan karakter? Genre sastra apakah yang sesuai dengan pembinaan karakter bangsa? Permasalahan lain yang lebih spesifik akan muncul, misalnya bagaimanakah perbezaan genre puisi (non-naratif) dengan prosa (naratif)? Adakah perbezaan penerapan karakter yang dilakukan antara guru senior dengan guru junior? Akhir sekali, adakah perbezaan penerapan karakter yang dilakukan antara guru lelaki dengan guru perempuan ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia?

Rumusan daripada permasalahan ini ialah adakah karya sastra atau Komsas yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia berupaya membentuk karakter bangsa pelajar-pelajar SMA di Indonesia, khususnya di Pekanbaru, Riau. Justeru, kajian berbentuk kualitatif dilakukan untuk mengetahui dan mengenal pasti jenis-jenis karakter bangsa yang banyak diterapkan ditemui dalam setiap Komsas yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia tersebut.

### KOMPONEN KARAKTER BANGSA

Perkataan karakter berasal daripada perkataan Latin, iaitu *kharakter*, *kharassein*, dan *kharax* yang bermaksud “*tools for marking*” (alat untuk menandakan), *to engrave*” (mengukir) dan *pointed stake* (menunjukkan). Perkataan ini banyak digunakan dalam bahasa Perancis (*caractere*) pada abad ke-14. Perkataan ini kemudiannya masuk ke dalam bahasa Inggeris menjadi *character*, sebelum akhirnya diserap ke dalam bahasa Melayu menjadi *karakter*. Berdasarkan *Dictionary of Philosophy* oleh Angeles (1981), istilah karakter berasal

daripada bahasa Yunani, iaitu *character* atau *charassein* yang bermaksud menajamkan, mengukir tanda atau bukti yang dicetak pada sesuatu untuk menunjukkan hal-hal seperti pemilikan, asal usul, nama, atau mereka. Aristoteles (Lickona 2013a) mendefinisikan karakter sebagai kehidupan dengan melakukan tindakan-tindakan yang benar kepada diri seseorang dan orang lain. Kehidupan yang berbudi luhur termasuk kebaikan yang berorientasi kepada diri sendiri (seperti mengawal diri dan sederhana) sebagaimana halnya dengan kebaikan yang berorientasi kepada kemurahan hati dan belas kasihan serta jenis kebaikan ini saling berhubungan. Kita perlu untuk mengendalikan diri kita sendiri, keinginan dan hasrat kita untuk melakukan hal yang baik untuk orang lain. Ahli falsafah Yunani ini mengingatkan kepada semua pihak tentang apa yang cenderung dilupakan pada masa sekarang ini.

Pritchard (1988) mendefinisikan karakter sebagai sesuatu yang berkaitan dengan kebiasaan hidup individu yang bersifat menetap dan cenderung positif. Secara umum, karakter diertikan sebagai sifat khas dari diri seseorang yang bersumber daripada bentukan-bentukan yang diterima dari persekitaran. Misalnya, faktor keluarga dan bawaan seseorang dari sejak lahir yang membezakan seseorang dengan yang lainnya. Suyanto (2009) mendefinisikan karakter sebagai cara berfikir dan perilaku yang menjadi ciri khas tiap individu untuk hidup dan bekerja sama, baik dalam ruang lingkup keluarga, masyarakat, bangsa, mahupun negara. Pritchard dan Suyanto menekankan bahawa definisi karakter sebagai ciri khas individu akibat pengaruh dalaman dan luaran yang membentuk karakternya.

Ahli falsafah kontemporari bernama Michael Novak seperti yang dipetik oleh Lickona (2013a) mendefinisikan karakter sebagai campuran yang bersesuaian dengan seluruh kebaikan yang mencakupi tradisi agama, cerita sastra, golongan bijaksana, yang ada pada masa lalu. Tidak ada seorang pun yang memiliki semua kebaikan dan setiap orang memiliki beberapa kelemahan. Manusia dengan karakter yang sering dipuji boleh sangat ketara antara satu dengan lainnya. Hal ini bermaksud, setiap manusia mempunyai kebaikan dan kelemahan yang perlu diseimbangkan dengan pegangan agama. Pegangan agama akan mengikat perilaku manusia supaya terus melakukan

kebaikan dan meninggalkan segala larangan.

Menurut Lickona (2013b) lagi, karakter memiliki tiga bahagian yang saling berhubungan, iaitu: (i) pengetahuan moral, (ii) perasaan moral dan (iii) tindakan atau perilaku moral. Berdasarkan pernyataan itu, menurut Lickona, karakter yang baik terdiri daripada mengetahui hal yang baik, menginginkan hal yang baik, dan melakukan hal yang baik. Hal ini bermakna ada berlaku kebiasaan dalam cara berfikir, perasaan dan tindakan. Ketiga-tiga bahagian ini diperlukan untuk mengarah ke suatu kehidupan yang bermoral. Ketiga-tiga bahagian ini membentuk kematangan moral. Ketika berfikir tentang jenis karakter yang diinginkan kepada anak-anak untuk mampu menilai apa yang benar, sangat peduli tentang apa yang benar dan kemudian melakukan apa yang mereka yakini itu benar meskipun berhadapan dengan godaan dari dalam dan tekanan dari luar (Lickona 2013a).

Berdasarkan kepada pemahaman klasik ini, Lickona (2013a) memberikan suatu cara berfikir tentang karakter yang tepat dalam pendidikan nilai. Karakter terdiri daripada nilai operatif, iaitu nilai dalam tindakan. Proses ini berlaku dalam karakter individu, seiring suatu nilai menjadi suatu kebaikan, suatu disposisi batin yang dapat diselesaikan untuk menanggapi situasi dengan cara yang berdasarkan moral itu adalah baik. Pusat Kurikulum Indonesia (Hasan 2011) menyatakan bahawa karakter sebagai suatu *moral excellence* atau akhlak yang dididik atas berbagai-bagai kebajikan yang seterusnya hanya perbuatan yang bermakna apabila dilandasi nilai-nilai yang berlaku dalam budaya (bangsa). Karakter bangsa Indonesia ialah karakter yang dimiliki oleh warganegara Indonesia yang berdasarkan tindakan yang dibuat sebagai suatu kebajikan berdasarkan nilai yang berlaku dalam persekitaran yang diterima masyarakat dan bangsa Indonesia.

Daripada paparan di atas, John Luther (dalam Megawangi 2007) menjelaskan bahawa karakter sewajarnya dipuji berbanding bakat yang luar biasa. Bakat dianggap sebagai suatu anugerah, namun karakter yang baik adalah sebaliknya. Karakter yang baik bukan boleh dianugerahkan, akan tetapi diperoleh melalui pendidikan. Karakter mesti dibina sedikit demi sedikit melalui pemikiran, pilihan, keberanian, dan usaha keras pada setiap masa ke masa dalam fasa kehidupan. Karakter adalah sesuatu yang pasti berlaku dalam

diri manusia (Zubaedi 2011, Ngainum Naim 2012, dan Mustari 2014). Manusia tanpa karakter menurut Zubaedi (2011) ialah manusia yang mempunyai sifat kebinatangan. Oleh itu, orang yang berkarakter kuat dan baik secara individual mahupun sosial ialah mereka yang memiliki akhlak, moral, dan budi pekerti yang baik. Oleh sebab begitu pentingnya karakter, maka pemerintah memiliki tanggungjawab untuk menanamkan karakter melalui institusi pendidikan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kerangka kajian penerapan elemen karakter bangsa dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Mengetahui pelaksanaan penerapan elemen karakter dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia dalam bentuk positif berdasarkan senioriti guru.
2. Mengetahui pelaksanaan penerapan elemen karakter dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia dalam bentuk negatif berdasarkan senioriti guru.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengenal pasti keadaan dan suasana di dalam bilik darjah. Hal ini dilakukan semasa guru melaksanakan sesi pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia. Pendekatan ini dipilih untuk menghuraikan persoalan kajian yang memerlukan jawapan kepada bagaimana, mengapa, dan apa yang berlaku di bilik darjah.

### Kajian Kualitatif

Fokus kajian kepada proses kajian yang dijalankan untuk membolehkan pengkaji menguji interaksi kriteria setiap unit dalam pengkajian yang terhad. Kegiatan meneroka persoalan kajian secara jelas digunakan dalam reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan deskriptif.

### Pendekatan Deskriptif

Metode yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah metode deskriptif dengan pendekatan

kualitatif. Tujuan kajian deskriptif ini untuk membuat deskripsi, gambaran sistematis, faktual mengenai fakta-fakta, sifat-sifat serta hubungan antara fenomena yang diselidiki mengenai situasi sebenarnya daripada suatu objek penyelidikan.

### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, sebanyak empat instrumen kajian digunakan dalam pengumpulan data, iaitu pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen.

1. **Pemerhatian:** Pelaksanaan pemerhatian dalam kajian ini berlaku dengan pengkaji hanya bertindak sebagai pemerhati serta mencatat segala pemerhatian dalam borang senarai semak dan buku rekod catatan yang sebelumnya sudah disediakan oleh pengkaji. Oleh sebab keterbatasan daya ingatan pengkaji, pengkaji menggunakan alat bantu lain seperti alat perakam, video bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci terhadap semua tingkah laku peserta kajian dan data yang berhubungan dengan yang berlaku di dalam bilik darjah, iaitu semasa proses pembelajaran dilaksanakan. Pemerhatian dilaksanakan terhadap sekolah dan guru yang menjadi objek kajian. Sekolah tersebut, iaitu SMAN 3 Pekanbaru, SMAN 5 Pekanbaru, dan SMAN 11 Pekanbaru. Letak atau posisi sekolah yang terletak di bandar. Guru di sekolah SMAN 3 yang menjadi peserta kajian merupakan seorang guru lelaki, manakala di SMAN 5 terdapat dua orang guru perempuan sebagai sampel kajian dan di SMAN 11, iaitu seorang guru lelaki.
2. **Temu Bual:** Dalam kajian ini, temu bual menggunakan senarai semak dan soalan-soalan yang berbentuk semi struktur telah dirangka terlebih dahulu sebagai protokol temu bual. Hal tersebut digunakan untuk memperoleh jawapan yang lengkap, tepat dan membina kepercayaan peserta kajian. Dalam konteks ini, protokol temu bual semi struktur dibina dan dimurnikan selepas kajian rintis oleh pengkaji sebagai pemandu proses temu bual yang dijalankan. Tumpuan pengkaji kepada memperoleh data maklumat yang tidak dapat diperoleh melalui pemerhatian pengajaran (Marshal dan Rossman 1995).

Melalui temu bual secara bersemuka, pengkaji memperoleh maklumat mengenai pengalaman-pengalaman atau keadaan yang telah diperhatikan secara mendalam. Temu bual dalam kajian kualitatif secara Kajian deskriptif ini menyediakan cara untuk menghasilkan data secara empirikal mengenai kehidupan sosial dengan meminta seseorang untuk berbicara mengenai realiti kehidupan mereka. Temu bual merupakan data yang berbentuk peribadi dan interaktif hasil penyertaan kedua-dua belah pihak pengkaji dan peserta kajian (Merriam 1998).

3. **Analisis Dokumen:** Analisis dokumen dalam kajian ini adalah dokumen yang berkaitan dengan aspek pengajaran, iaitu segala bahan pembelajaran yang dipersiapkan oleh guru dalam pengajaran di dalam bilik darjah seperti sukatan, rancangan pelaksanaan pembelajaran, media (bahan bantu) pengajaran, modul pengajaran, buku persediaan mengajar, soalan peperiksaan, dan sebagainya. Segala bahan ini digunakan sebagai bahan utama dalam analisis dokumen.

### **Peserta Kajian**

Fokus kajian ini adalah guru Bahasa Indonesia Sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN) di Pekanbaru yang dipilih oleh pengkaji untuk menyelidik pemikiran, keputusan, dan tindakan yang dibuat dalam konteks di mana ia berlaku. Sekiranya pengkaji dapat memahami minda peserta yang dikaji dengan menggunakan pengetahuan dan pengalamannya untuk menyiasat apa yang dikaji secara lebih bermakna, maka tingkah laku manusia dapat difahami dengan baik (Marohaini 2001). Peserta kajian ini terdiri daripada guru Bahasa Indonesia SMAN di Pekanbaru Riau. Jumlah guru yang akan dijadikan peserta kajian dalam kajian ini seramai empat orang, meliputi dua orang lelaki dan dua orang perempuan. Peserta kajian ini diambil berdasarkan sampel bertujuan.

### **Prosedur Penganalisan Data**

Data yang ditemukan dianalisis dengan berdasarkan tahap-tahap kualitatif. Menurut Mc Drury (1999), tahap-tahap analisis kualitatif

tersebut ialah: (i) membaca data dan mempelajarinya, serta menandai kata-kata kunci dan gagasan yang ada dalam data, (ii) mempelajari kata-kata kunci yang sudah ditetapkan dalam kajian kualitatif, berusaha menemukan pelbagai tema yang berasal daripada data, (iii) menulis model yang ditemukan dan (v) mencatat data yang selesai dilakukan.

Data kajian ini iaitu data transkripsi (daripada alat video berupa audio-visual ke teks tertulis) berguna dalam pembinaan karakter bangsa melalui pembelajaran Bahasa Indonesia komponen sastera di dalam bilik darjah. Data dianalisis secara triangulasi dan dibincangkan berdasarkan tema yang ditemui dalam kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### Pelaksanaan Penerapan Elemen Karakter Pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia dalam Bentuk Positif Berdasarkan Guru Senior dan Junior

#### Peserta Kajian Senior

Pembahasan ini berkenaan dengan penerapan karakter yang dilaksanakan peserta kajian senior dan junior, lelaki dan perempuan, berdasarkan kelompok nilai. Hal ini bertujuan untuk melihat kemampuan peserta kajian senior dalam melaksanakan penerapan karakter berdasarkan kelompok nilai. Pada tahap akhir, penerapan karakter dalam kelompok nilai ini dijumlahkan. Maklumat lanjut dihuraikan pada Jadual 1.

**Jadual 1.** Penerapan elemen karakter bangsa oleh peserta kajian senior ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia bagi kelompok nilai positif

No.	Nilai Positif	PK111				PK212				Jumlah
		P1	P2	P3	P4	P1	P2	P3	P4	
1.	Hubungan dengan Tuhan	-	6	9	3	7	11	6	8	50
2.	Hubungan dengan diri sendiri	8	12	22	29	8	11	13	15	118
3.	Hubungan dengan sesama	6	19	18	28	6	7	30	34	148
4.	Hubungan dengan persekitaran	-	-	-	1	-	2	1	-	4
5.	Hubungan dengan kebangsaan	1	1	12	5	1	1	11	3	35
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>38</b>	<b>61</b>	<b>66</b>	<b>22</b>	<b>32</b>	<b>61</b>	<b>60</b>	<b>355</b>

Penerapan elemen karakter bangsa berdasarkan kelompok nilai positif pada peserta kajian senior lebih banyak pada nilai karakter yang *berhubungan dengan sesama* manusia, iaitu sebanyak 148. Hubungan dengan diri sendiri sebanyak 118 kali, hubungannya dengan Tuhan sebanyak 50 kali, nilai kebangsaan sebanyak 35 kali dan yang paling sedikit adalah penerapan nilai yang *berhubungan dengan alam*, iaitu 4 kali. Sebagai rumusan:

1. Peserta kajian senior melaksanakan pembinaan karakter bangsa dalam persektif kelompok nilai ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia.
2. Peserta kajian senior lebih kerap melakukan pembinaan karakter bangsa pada nilai yang *berhubungan dengan sesama*, dengan diri sendiri, dengan tuhan, dengan kebangsaan, dan dengan persekitaran.
3. Peserta kajian senior lelaki (PK111) lebih banyak melakukan pembinaan karakter bangsa berkaitan dengan kelompok nilai berbanding peserta kajian senior perempuan (PK212).

#### Peserta Kajian Junior

Pembahasan ini berkenaan dengan penerapan karakter yang dilaksanakan peserta kajian junior berdasarkan kelompok nilai. Hal ini dimaksudkan untuk melihat kemampuan peserta kajian junior dalam melaksanakan penerapan karakter berdasarkan kelompok nilai. Pada tahapan akhirnya, penerapan karakter dalam kelompok nilai ini dijumlahkan secara keseluruhan. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada Jadual 2.

Berbeza halnya dengan peserta kajian senior, penerapan karakter bangsa positif berdasarkan kelompok nilai pada peserta kajian junior lebih banyak pada nilai karakter yang *berhubungan dengan diri sendiri*, iaitu sebanyak 167, hubungan dengan sesama sebanyak 139 kali, hubungan dengan Tuhan sebanyak 42 kali, hubungan dengan kebangsaan sebanyak 33 kali, dan yang paling sedikit penerapannya pada nilai dalam hubungan dengan persekitaran, iaitu 7 kali. Sebagai rumusan:

1. Peserta kajian junior melaksanakan pembinaan karakter bangsa dalam persektif

- kelompok nilai ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia.
2. Peserta kajian junior lebih kerap melakukan pembinaan karakter bangsa pada nilai yang berhubungan dengan diri sendiri, dengan sesama, dengan tuhan, dengan kebangsaan, dan dengan persekitaran.
  3. Peserta kajian junior lelaki (PK321) lebih banyak melakukan pembinaan karakter bangsa berkaitan dengan kelompok nilai berbanding peserta kajian junior perempuan (PK422).

**Jadual 2.** Penerapan elemen karakter bangsa oleh peserta kajian junior ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia bagi kelompok nilai positif

No.	Nilai Positif	PK321				PK422				Jumlah
		P1	P2	P3	P4	P1	P2	P3	P4	
1.	Hubungan dengan Tuhan	5	3	9	11	4	3	4	3	42
2.	Hubungan dengan diri sendiri	23	16	60	12	11	15	13	17	167
3.	Hubungan dengan sesama	9	6	32	12	28	11	20	21	139
4.	Hubungan dengan persekitaran	2	-	-	-	2	3	-	-	7
5.	Hubungan dengan kebangsaan	2	1	3	8	7	-	8	4	33
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>	<b>26</b>	<b>104</b>	<b>43</b>	<b>52</b>	<b>32</b>	<b>45</b>	<b>45</b>	<b>388</b>

### Pelaksanaan Penerapan Elemen Karakter Pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia dalam Bentuk Negatif Berdasarkan Guru Senior dan Junior

#### Peserta Kajian Senior

Jadual 3 adalah kesilapan penerapan elemen karakter dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia terhadap peserta kajian senior, memiliki 27 kali penerapan. Jumlah terendah terdapat pada karakter *disiplin* sejumlah 11 kali, diikuti karakter *agama* sejumlah 6 kali penerapan. Karakter paling tinggi tidak terjadi ialah elemen karakter *jujur*, *kendiri*, *rasa ingin tahu*, *gemar membaca/cinta ilmu*, *peduli sosial*, *toleransi*, *peduli persekitaran*, *semangat kebangsaan*, *cinta tanah air*, dan *demokratis*.

Peserta kajian yang paling banyak melaksanakan kesilapan ialah PK111 pada pertemuan kedua dan pertemuan keempat sebanyak 8 dan 6 kali, selanjutnya PK111 pada pertemuan pertama dan pertemuan ketiga adalah sama dengan PK212 pada pertemuan ketiga dan

keempat sebanyak 3 kali, sedangkan PK111 pada pertemuan kedua sebanyak 1 kali dan pertemuan pertama tidak ada melakukan kesilapan. Ertinya, PK111 (senior lelaki) lebih banyak melakukan kesilapan dibandingkan PK212 (senior perempuan). Sebagai rumusan:

1. Peserta kajian senior melakukan kesilapan pada 6 karakter.
2. Peserta kajian senior tidak melakukan kesilapan pada 12 macam karakter
3. Peserta kajian senior lebih kerap melakukan kesilapan pada karakter disiplin.
4. Kesilapan peserta kajian senior iaitu 27 kali.

**Jadual 3.** Kesilapan penerapan elemen karakter bangsa oleh peserta kajian senior ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia

No.	Penerapan Karakter Bangsa	Senior								Jumlah
		PK111				PK212				
		P1	P2	P3	P4	P1	P2	P3	P4	
1.	Agama	1	5	-	-	-	-	-	-	6
2.	Jujur	-	-	-	-	-	-	-	-	0
3.	Tanggung jawab	-	-	-	1	-	-	-	-	1
4.	Disiplin	1	3	1	4	-	1	1	-	11
5.	Kerja keras	-	-	-	-	-	-	-	-	0
6.	Kreatif	-	-	2	-	-	-	1	-	3
7.	Kendiri	-	-	-	-	-	-	-	-	0
8.	Rasa ingin tahu	-	-	-	-	-	-	-	-	0
9.	Gemar membaca/cinta ilmu	-	-	-	-	-	-	-	-	0
10.	Peduli sosial	-	-	-	-	-	-	-	-	0
11.	Cinta damai	1	-	-	-	-	-	-	-	1
12.	Menghargai prestasi	-	-	-	-	-	-	-	-	0
13.	Bersahabat/komunikatif	-	-	-	1	-	-	1	3	5
14.	Toleransi	-	-	-	-	-	-	-	-	0
15.	Peduli persekitaran	-	-	-	-	-	-	-	-	0
16.	Semangat kebangsaan	-	-	-	-	-	-	-	-	0
17.	Cinta tanah air	-	-	-	-	-	-	-	-	0
18.	Demokratis	-	-	-	-	-	-	-	-	0
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>8</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>27</b>

#### Peserta Kajian Junior

Jadual 4 menjelaskan kesilapan penerapan elemen karakter (negatif) dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia terhadap peserta kajian junior, memiliki 43 penerapan. Jumlah kesilapan yang sedikit ada pada karakter *disiplin* iaitu sejumlah 21 kali, diikuti kesilapan penerapan karakter *demokratis* sejumlah 3 kali, kesilapan *menghargai prestasi*, *toleransi*, dan *semangat kebangsaan* masing-masing 2 kali kesilapan, pada karakter *agama*, *tanggungjawab*, *gemar membaca/ cinta ilmu*, dan *peduli sosial* masing-masing melakukan

kesilapan sebanyak sekali. Karakter yang tidak ada kesilapan adalah pada karakter *jujur, kerja keras, mandiri, rasa ingin tahu, cinta damai, dan cinta tanah air*.

Peserta kajian yang paling banyak melakukan kesilapan ialah PK321 pada pertemuan keempat sebanyak 16 kali, pertemuan kedua dan tiga sebanyak 7 kali, dan yang paling sedikit pada pertemuan pertama, iaitu 1 kali kesilapan. PK422 pada pertemuan ketiga dan keempat masing-masing 4 kali kesilapan, sedangkan pertemuan pertama dan kedua tidak berlaku kesilapan. Ertinya, PK321 (junior lelaki) lebih banyak melakukan kesilapan jika dibandingkan dengan peserta kajian PK422 (junior perempuan). Sebagai rumusan:

1. Peserta kajian junior melakukan kesilapan pada 10 karakter
2. Peserta kajian junior tidak melakukan kesilapan pada 8 macam karakter
3. Peserta kajian junior lebih kerap melakukan kesilapan pada karakter disiplin.
4. Kesilapan peserta kajian senior iaitu 43 kali.

**Jadual 4.** Kesilapan penerapan elemen karakter bangsa oleh peserta kajian junior ketika mengajar Komsas Bahasa Indonesia

No.	Penerapan Karakter Bangsa	Junior								Jumlah
		PK111				PK212				
		P1	P2	P3	P4	P1	P2	P3	P4	
1.	Agama	-	-	-	1	-	-	-	-	1
2.	Jujur	-	-	-	-	-	-	-	-	0
3.	Tanggung jawab	-	-	-	-	-	-	-	-	0
4.	Disiplin	-	5	4	4	-	-	4	4	21
5.	Kerja keras	-	-	-	-	-	-	-	-	0
6.	Kreatif	-	-	3	3	-	-	-	-	6
7.	Kendiri	-	-	-	-	-	-	-	-	0
8.	Rasa ingin tahu	-	-	-	-	-	-	-	-	0
9.	Gemar membaca/cinta ilmu	1	-	-	-	-	-	-	-	1
10.	Peduli social	-	1	-	-	-	-	-	-	1
11.	Cinta damai	-	-	-	-	-	-	-	-	0
12.	Menghargai prestasi	2	-	-	-	-	-	-	-	2
13.	Bersahabat/komunikatif	-	-	-	3	-	-	-	-	3
14.	Toleransi	1	1	-	-	-	-	-	-	2
15.	Peduli persekitaran	-	-	-	-	-	-	-	-	0
16.	Semangat kebangsaan	-	-	-	2	-	-	-	-	2
17.	Cinta tanah air	-	-	-	-	-	-	-	-	0
18.	Demokratis	-	-	-	3	-	-	-	-	3
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>16</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>43</b>

## PERBINCANGAN

### Penerapan Karakter Bangsa antara Peserta Kajian Senior dengan Junior

Dapatan kajian secara amnya menunjukkan penerapan pembinaan karakter bangsa jauh lebih baik dari peraturan pemerintah seperti yang tertuang dalam RPP. Perancangan dijadikan acuan sebagai dasar penerapan pembinaan karakter bangsa. Peserta kajian mampu mengembangkan pembinaan karakter bangsa melebihi perancangan yang dibuatnya. Meskipun telah melakukan pembinaan karakter positif, namun tidak dapat dielakkan juga berlaku kesilapan dalam penerapan pembinaan karakter. Kesilapan yang berlaku tersebut tidak menunjukkan bahawa pembinaan karakter tidak mengalami halangan dan kekangan dari aspek peserta kajian.

Penerapan pembinaan karakter bangsa terhadap hal-hal yang positif dan negatif peserta kajian senior dan junior menggambarkan bahawa tidak ada pengaruh sertifikasi (yang menjadi indikator utama senior) terhadap pembinaan karakter bangsa, namun berpengaruh pada usaha meminimumkan kesilapan pembinaan karakter sahaja. Dalam kajian ini pula, senioriti tidak menentukan seorang peserta kajian mampu membina karakter lebih kerap dibandingkan dengan junior. Seperti yang dikatakan di atas, kesilapan dalam membina karakter bangsa senioriti lebih menentukan minimumnya kesilapan. Ertinya, senior lebih sedikit melakukan kesilapan dibandingkan dengan junior. Gambaran bahawa senior tidak lebih baik dalam membina karakter dibandingkan junior iaitu pada PK321 yang jauh lebih kerap membina karakter dibandingkan dengan PK111 dan PK212. Begitu pula sebaliknya, PK321 lebih banyak melakukan kesilapan dibandingkan PK111 dan PK212.

Guru merupakan pendidik profesional dengan tugas utama mendidik, mengajar, membimbing, mengarahkan, melatih, dan menilai peserta didik pada pendidikan anak usia dini jalur pendidikan formal, pendidikan dasar, dan pendidikan menengah (Undang-Undang No. 14 Tahun 2005) Dengan demikian, dalam melaksanakan tugas keprofesionalannya, guru berkewajiban: (1) merencanakan pembelajaran, melaksanakan proses pembelajaran yang bermutu, serta menilai dan menilai hasil pembelajaran, (2) meningkatkan dan

mengembangkan kelayakan (kualifikasi) akademik dan kompetensi secara berkelanjutan sejalan dengan perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni, (3) bertindak objektif dan tidak diskriminatif atas dasar pertimbangan jantina, agama, suku, ras, dan kondisi fizikal tertentu, atau latar belakang keluarga, dan status sosial ekonomi peserta didik dalam pembelajaran, (4) menjunjung tinggi peraturan perundang-undangan, hukum, dan kod etika guru, serta nilai-nilai agama dan etika, dan (5) memelihara dan memupuk persatuan dan kesatuan bangsa. Berdasarkan undang-undang tersebut sangat jelas bahawa guru merupakan *key person in classroom*, sehingga guru memiliki peranan yang sangat vital dan fundamental dalam membimbing, mengarahkan, dan mendidik pelajar dalam proses pembelajaran. (Undang-Undang No. 14 Tahun 2005, Pasal 8 dan 10).

Guru memiliki peranan yang amat penting, terutama sebagai *agent of change* melalui proses pembelajaran. Oleh kerana itu, agar dapat berperanan dengan efektif dan profesional, guru mesti memiliki beberapa persyaratan, antara lain kemahiran mengajar, berpengetahuan, memiliki sikap profesionalisme, memilih, menciptakan dan menggunakan media, memilih metode mengajar yang sesuai, memanfaatkan teknologi, mengembangkan kurikulum yang dinamik dan dapat memberikan contoh dan teladan yang baik (Baedhowi 2008, Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani 2007). Ilustrasi tersebut menegaskan keyakinan bahawa profesi guru merupakan bidang pekerjaan khusus dan *significant* yang dilaksanakan berdasarkan prinsip sebagaimana tertuang dalam Undang-Undang No. 14 Tahun 2005 sebagai, iaitu: (1) memiliki bakat, minat, panggilan jiwa, dan idealisme, (2) memiliki komitmen untuk meningkatkan mutu pendidikan, keimanan, ketakwaan, dan akhlak mulia, (3) memiliki kelayakan akademik, latar belakang pendidikan sesuai dengan bidang tugas, dan memiliki kompetensi yang diperlukan sesuai dengan bidang tugas, (4) memiliki tanggungjawab atas penerapan tugas keprofesionalan, (5) memperoleh penghasilan yang ditentukan sesuai dengan prestasi kerja, (6) memiliki kesempatan untuk mengembangkan keprofesionalan secara berkelanjutan dengan belajar sepanjang hayat, (7) memiliki jaminan perlindungan hukum dalam melaksanakan tugas keprofesionalan, dan (8)

memiliki organisasi profesi yang mempunyai kewenangan mengatur hal-hal yang berkaitan dengan tugas keprofesionalan guru.

Sejalan dengan penjelasan di atas, guru yang profesional wajib memiliki kelayakan akademik, kompetensi, sijil kelayakan mengajar (sertifikasi) pendidik, sihat jasmani dan rohani, serta memiliki kemampuan untuk mewujudkan matlamat pendidikan nasional. Kompetensi dasar yang mesti dimiliki guru meliputi kompetensi pedagogi, kompetensi personal atau keperibadian, kompetensi sosial, dan kompetensi professional yang diperoleh melalui pendidikan profesi (Undang-Undang No. 14 Tahun 2005, Pasal 8 dan 10, Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani 2007).

Dalam temu bual, peserta kajian menjelaskan bahawa guru lebih mengamalkan pencapaian kompetensi dasar sejalan dengan perancangan. Karakter dalam hubungan itu hanya sebagai bagian yang melekat pada tujuan untuk mencapai kompetensi dasar. Karakter dirasakan sebagai hal yang muncul secara spontan. Ertinya, karakter boleh tidak direncanakan dalam perancangan, akan tetapi dapat dibina ketika penerapan pembelajaran. Hal bererti bahawa karakter tidak hanya dapat dimunculkan pembinaannya dari bahan ajar, namun yang paling menentukan adalah individu guru yang mengajar. Hal itu diperkuat oleh PK111 yang menjelaskan bahawa peserta kajian ini lupa dan tidak menyedari pembelajaran sastera memiliki banyak karakter yang boleh dimunculkan. Ertinya, pengetahuan PK111 terhadap pembelajaran sastera juga tidak memadai bila dibandingkan dengan PK321.

Bahan ajar terfokus pada buku pokok yang dimasukkan ke dalam (direkomendasikan) kurikulum. Hal itu menjadikan peserta kajian kurang aktif dalam mencari bahan yang ada dalam buku-buku yang memberikan arahan dalam pembinaan karakter. Sehingga pemilihan bahan pembelajaran tidak terarah bahkan bersentuhan dengan karakter yang ingin dicapai. Buku teks semestinya tidak dibatasi pada suatu bahan pembelajaran. Pemerolehan bahan ajar mesti dilakukan pada banyak sumber yang berkaitan dengan bahan pembelajaran. Dengan demikian karakter dapat dibina secara pasif.

Mengukur pencapaian karakter tidak dapat dilihat daripada pencapaian kompetensi dasar. Dalam penilaian pencapaian kompetensi dasar, hanya mengukur bagaimana pengetahuan pelajar

tentang topik bahasan pembelajaran. Pencapaian kompetensi dasar dilihat daripada Kriteria Ketuntasan Minimal (KKM) yang ditetapkan dalam kurikulum. KKM yang ditetapkan dalam kompetensi dasar pembelajaran Komsas yaitu 75. Penilaian dilakukan dengan berbagai cara seperti ujian tertulis, lisan dan pengamatan. Namun, penilaian pencapaian kompetensi dasar dalam pertemuan di bilik darjah bersifat subjektif. Hal itu menggambarkan bahawa kegiatan pendidikan saat ini belum mencerminkan penanaman nilai-nilai untuk membentuk pembinaan karakter bangsa. Penanaman nilai baharu sama tahap kognitif sehingga nilai-nilai tersebut belum tersemai (terinternalisasi) dalam diri pelajar. Nilai-nilai yang disampaikan dalam pembelajaran hanya untuk kepentingan menjawab soal dalam ujian belum ada usaha nyata dari seluruh pendidik untuk memberikan pendidikan nilai, baik secara berstruktur mahupun tidak.

Pendidikan nilai dalam kaitan hubungan dengan pembinaan karakter bangsa merupakan sesuatu yang sangat penting bagi kelangsungan dan lanjutan kehidupan umat manusia di muka bumi. Dapat dibayangkan jika manusia menjalankan kehidupan dengan faham bebas nilai, maka akan kacaulah semua rencah kehidupan. Menurut Hadiwinarto (2010), tujuan pendidikan nilai diarahkan pada pemahaman nilai-nilai agar peserta didik dapat berperilaku sesuai dengan nilai-nilai yang dipelajari sehingga mereka menjadi masyarakat dan warganegara yang baik.

Dalam temu bual, peserta kajian menjelaskan tidak ada pemberian hadiah atau penghargaan terhadap peserta kajian yang berprestasi dalam membina karakter bangsa dan begitu pula hukuman juga tidak dikenakan terhadap peserta kajian yang kurang membina karakter. Teguran terhadap peserta kajian lazim kepada seandainya peserta kajian memiliki kemampuan pencapaian terhadap kompetensi dasar atau tidak melampaui batas KKM minimum. Semua sekolah yang menjadi objek kajian ini, iaitu SMA Negeri 3, SMA Negeri 5, SMA negeri 11 Pekanbaru, masing-masing sekolah hanya 75 KKM.

Semua peserta kajian mengatakan tidak terpengaruh waktu penerapan proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Ada tiga kategori waktu penerapan pembelajaran, iaitu pagi (07.45 – 09.30), tengah hari (09.45 – 12.00), dan petang (12.30 – 14.00). Namun demikian, penerapan

pembelajaran dirasakan terganggu oleh hujan kerana suara bising hujan yang jatuh pada atap sehingga suara peserta kajian tidak terdengar jelas. Hal ini dialami oleh PK422, pada pertemuan kedua. Dalam temu bual, peserta kajian mengaku suara peserta kajian tidak terdengar oleh pelajar. Pada data hasil penerapan yang dilakukan oleh PK422 pada pertemuan kedua (32 kali) jauh menurun jika dibandingkan dengan pertemuan yang lainnya, yang sememangnya masih memiliki potensi untuk meningkat.

Kesilapan terbanyak dilakukan PK321 antara peserta kajian lainnya. Dalam temu bual, PK321 mengakui bahawa kesilapan tersebut sebahagian dilakukan dengan sengaja. Kesilapan dengan sengaja itu dimaksudkan untuk memberikan pengetahuan secara salah atau sonsang pada pelajar dalam membina karakter yang positif. Tujuan lainnya dilakukan agar pelajar menyedari bentuk itu sebagai suatu kesilapan. Hal ini juga didukung oleh metode yang digunakan PK321 dalam pembinaan karakter bangsa pelajar, iaitu ceramah.

Peserta kajian dalam kajian ini sebanyak empat orang, namun, hanya satu orang peserta kajian sahaja yang memiliki hobi dalam dunia sastera. PK321 memiliki kesenangan dalam dunia sastera dalam hal menelaah, meneroka, dan menikmati teks sastera, sebagai usaha kontemplasi diri dan eksistensi. Hal ini dipandang Welles dan Warren (2014) sebagai kesenangan yang diperoleh daripada sastera bukan seperti kesenangan fizikal lainnya, melainkan kesenangan yang lebih tinggi, iaitu penghayatan yang tidak mencari keuntungan. Sedangkan manfaatnya keseriusan, bersifat didaktik adalah keseriusan yang menyenangkan, keseriusan estetika, dan keseriusan persepsi. Meskipun demikian, boleh sahaja seorang yang berfikir serba relatif mengatakan bahawa minatnya pada puisi tidak berdasarkan penilaian estetika, tetapi selera peribadi. Sebaliknya, seorang pendidik boleh sahaja salah mencari keseriusan sastera, iaitu mencarinya pada keterangan sejarah atau ajaran moralnya.

## KESIMPULAN

Pembahasan tentang guru berkarakter hampir memenuhi referensi ruang akademik. Guru mesti memiliki karakter sehingga dapat mengajarkan karakter kepada pelajar. Lickona (2013)

menjelaskan panjang lebar tentang guru yang berkarakter. Karakter yang baik adalah sesuatu yang diinginkan bagi pelajar atau setiap individu manusia. Guru yang berkarakter adalah seseorang yang dapat dijadikan suri tauladan bagi pelajar. Guru semacam ini iaitu seseorang yang mengajarkan hal-hal yang baik dan juga menerapkan hal tersebut dalam kehidupan sehari-hari. Guru yang berkarakter mampu membantu proses pembelajaran semua bahan di dalam bilik darjah. Dengan sokongan guru yang berkarakter tersebut, suatu bahan yang minimum atau sedikit mengandung karakter dapat menjadi lebih kaya karakter.

Seseorang yang memilih guru sebagai profesion adalah individu yang secara alami memiliki karakter yang kuat. Seseorang yang berkarakter yang kuat ini terserlah daripada keperibadian seseorang yang tampil di mana sahaja. Guru yang berkarakter akan mampu menyiasati bahan pembelajaran yang sedikit kandungan karakter menjadi kaya karakter. Demikian pula sebaliknya, guru yang tidak atau kurang karakter mengajarkan bahan yang kaya kandungan karakter akan menjadi miskin atau mandul karakter.

## RUJUKAN

- Baedhowi. 2008. *Peningkatan kualitas pendidikan melalui peningkatan profesionalisme guru*. Jakarta: Khazanah Pendidikan
- Jeniri Amir. 2007. Sastera dalam pendidikan perlu pemikiran semula: *Dewan Sastera*, Jan 40-42. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lickona, T. 2004. Make you school a school of character. <http://www.cortland.edu/character>. (24 April 2014).
- Lickona, T. 2013a. *Educating for character: Mendidik untuk membentuk karakter*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Lickona, T. 2013b. *Pendidikan karakter: Panduan Lengkap mendidik siswa menjadi pintar dan baik*. Bandung: Nusa Media.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marsyal, C. & Rossman, G. 1995. *Designing qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication Inc.
- McMillan, J.H. 2004. *Educational research: Fundamentals for the consumer*. Boston: Pearson Education Inc.
- Megawangi, Ratna. 2007. *Pendidikan yang patut dan menyenangkan*. Jakarta: Indonesia Heritage Foundation.
- Mohd Azman. 2003. Pembangunan dan penilaian perisian kursus multimedia menggunakan perisian pengarang Comil bagi subjek Pengajian Am bertajuk "Yang di Pertuan Agong. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ngainun Naim. 2012. *Character building: Optimalisasi peranan pendidikan dalam pengembangan ilmu dan pembentukan karakter bangsa*. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media.
- Pritchard, I. 1988. Character education: Research prospect and problem. *American Journal of Education*, 96 (4): 19-88.
- Ragbir Kour. 2007. Peranan guru membina murid menghadapi cabaran Wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam*, 10: 88.
- Suyanto. 2009. Refleksi dan reformasi pendidikan di Indonesia memasuki milenium ketiga. Jakarta: Adi Cita Karya Nusa.
- Teeuw, A. 1984. *Sastra dan ilmu sastera: Pengantar teori sastera*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Umi Nadiha Mohd Nor. 2010. Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teeuw, A. 1984. *Sastra dan ilmu sastera: Pengantar teori sastera*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Undang-Undang No. 14 tahun 2005. Tentang Guru dan Pensyarah sebagai Tenaga Profesi. Jakarta: Sinar Grafika.
- Wellek, R. & Warren, A. 2014. *Teori kesusastraan*. (terj.). Jakarta: Gramedia.
- Yusny Saby. 2010. Ceramah pada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP) Universitas Syiah Kuala (Unsyiah). Aceh.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. 2007 *Profesionalisme guru novis: Model latihan*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zubaedi. 2011. *Desain pendidikan karakter*. Jakarta: Kencana.